

PELAN STRATEGIK POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA 2025 - 2035

PENGENALAN

Pelan Strategik Politeknik Merlimau Melaka bagi tahun 2025 - 2035 dibangunkan dengan penekanan khusus kepada 5 dimensi utama melalui pelbagai pendekatan objektif strategik dan inisiatif.

Ini adalah selari dan selaras dengan hasrat dan aspirasi JPPKK ke arah melahirkan graduan TVET berprestasi tinggi dan berdaya saing melalui tadbir urus institusi yang mampan, didokong oleh warga kerja yang kompeten melalui perkongsian strategik bersama industri, komuniti dan alumni.

DIMENSI TUMPUAN UTAMA

PELAJAR

GOVERNAN

WARGA KERJA

PROGRAM
PENGAJIAN

INDUSTRI,
KOMUNITI & ALUMNI

TERAS UTAMA

1

2

3

4

5

6

7

MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI

Membangun dan menyediakan graduan TVET berprestasi tinggi, seimbang dan mampu memenuhi keperluan dan cabaran industri tempatan dan global.

MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

Memperkasa ketelusan, kecekapan dan keberkesanan tadbir urus institusi ke arah pencapaian objektif pengurusan mampan dan keterlihatan.

PEMERKASAAN BAKAT

Mengembangkan, meningkatkan, dan mengoptimumkan potensi dan kebolehan warga kerja dalam pelbagai bidang.

PEMANTAPAN PROGRAM PENGAJIAN

Memperkukuh dan meningkatkan kualiti serta keberkesanan program pengajian agar kekal relevan dan dapat memenuhi keperluan pelajar seiring dengan kehendak industri serta perkembangan dalam pelbagai bidang.

MEMPERKUKUH KOLABORASI INDUSTRI, KOMUNITI & ALUMNI

Membina dan memperkasa hubungan serta kerjasama dengan pihak industri, komuniti dan alumni untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran, menyediakan peluang pekerjaan, serta memberi manfaat kepada pelajar, masyarakat serta warga PMM.

MEMBUDAYA PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Menggalakkan pemikiran kreatif dan kritis, penciptaan idea baharu, dan penerapan pengetahuan berteraskan penyelesaian masalah yang bermanfaat kepada komuniti.

MEMPERKUKUH PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

Menyediakan platform pembelajaran sepanjang hayat kepada komuniti agar sentiasa relevan serta dapat menyesuaikan diri dengan perubahan dalam teknologi, pasaran pekerjaan dan perkembangan ekonomi.

OBJEKTIF STRATEGIK

DIMENSI PELAJAR TERAS 1

**PEMBELAJARAN
MELALUI APLIKASI**
Penglibatan aktif pelajar dalam program TVET on Campus dan Polytechnic Social Responsibility.

**KOMPETENSI INDUSTRI
DAN DIGITALISASI**
Pengiktirafan industri melalui program Dwi-Pensijilan dan Digitalisasi.

**PEMERKASAAN SOFT
SKILLS**
Penglibatan aktif pelajar dalam bidang ko-kurikulum di pelbagai peringkat.

**PEMBANGUNAN MINDA
USAHAWAN**
Pembangunan prasarana dan program ke arah membangun minda keusahawanan pelajar.

**PENGIKTIRAFAN
PELAJAR**
Perancangan sistematik dan berstruktur dalam membangun bakat dan potensi pelajar.

DIMENSI GOVERNAN TERAS 2

**KEMAMPAKAN TADBIR
URUS**
Pemantapan pengurusan dan tadbir urus institusi.

**DIGITALISASI
MAKLUMAT**
Pembangunan dan penyenggaraan data secara berpusat.

**KERJASAMA PINTAR
HIBRID**
Pemeriksaan kerjasama hibrid dalam pelaksanaan program dan aktiviti.

**TANGGUNGJAWAB
SOSIAL**
Kepimpinan berwawasan dalam melestari tanggungjawab sosial kepada warga.

**PENGIKTIRAFAN
INSTITUSI**
Perancangan sistematik dan berstruktur ke arah kelestarian institusi.

DIMENSI WARGA KERJA TERAS 3

**KETERAMPILAN
BAKAT**
Pembangunan dan penggunaan bakat secara efektif dan efisien.

**PEMENTORAN DAN
KOLABORASI**
Pembangunan upaya warga kerja melalui pementoran dan kerjasama pasukan.

PAKAR RUJUK BIDANG
Peningkatan kemahiran khusus dalam bidang.

**KEHARMONIAN DAN
KESEJAHTERAAN**
Persekitaran kerja yang kondusif dan hubungan sosial yang sihat.

**PENGIKTIRAFAN
WARGA KERJA**
Perancangan sistematik dan berstruktur dalam membangun bakat dan potensi warga kerja.

DIMENSI PROGRAM PENGAJIAN TERAS 4

**KERELEVANAN
KURIKULUM**
Pemeriksaan kurikulum untuk kekal relevan.

KEBOLEHSUAIAN PdP
Pemeriksaan kemahiran pedagogi.

**REFORMASI
PENYAMPAIAN**
Pengayaan kemahiran penyampaian inovatif.

**DIGITALISASI BAHAN
PEMBELAJARAN**
Pengayaan bahan pembelajaran digital.

**PENGIKTIRAFAN
PROGRAM PENGAJIAN**
Perancangan sistematik dan berstruktur dalam memastikan pengiktirafan program pengajian.

DIMENSI INDUSTRI, KOMUNITI & ALUMNI TERAS 5, 6 & 7

**KOLABORASI
BERIMPAK TINGGI**
Pemeriksaan hubungan strategik dua hala merentas bidang.

**MEMASYARAKATKAN
PENYELIDIKAN
DAN INOVASI**
Pemeriksaan penyelidikan dan inovasi berorientasikan penyelesaian masalah.

**KETERLIHATAN
INSTITUSI**
Peluasan keterlihatan institusi merentas media.

**KEMAMPAKAN
KEWANGAN**
Pelaksanaan program dan aktiviti bagi meningkatkan penjanaan kewangan.

**PENGIKTIRAFAN
INDUSTRI**
Perancangan sistematik dan berstruktur dalam pelaksanaan kolaborasi bersama industri, komuniti dan alumni.

INISIATIF

DIMENSI PELAJAR TERAS 1

**PEMBELAJARAN
MELALUI APLIKASI**
Melibatkan pelajar dalam aktiviti terancang dan berstruktur bagi membolehkan pelajar mengaplikasi pengetahuan kepada amali.

**KOMPETENSI
INDUSTRI
DAN DIGITALISASI**
Menyedia peluang dan menggalakkan pelajar memperoleh pengiktirafan industri.

**PEMERKASAAN SOFT
SKILLS**
Menyedia akses dan menyebarkan peluang pelajar membangunkan potensi diri dalam pelbagai aspek soft skills.

**PEMBANGUNAN
MINDA
USAHAWAN**
Membangun fasiliti dan prasarana ke arah membudayakan minda keusahawanan dalam kalangan pelajar.

**PENGIKTIRAFAN
PELAJAR**
Membangunkan struktur pengurusan komprehensif dalam mengenalpasti dan menyelaras penyertaan atau pencalonan pelajar dalam pelbagai anugerah dan pengiktirafan.

DIMENSI GOVERNAN TERAS 2

**KEMAMPAKAN TADBIR
URUS**
Memperkasa pengurusan berpasukan dalam mentadbir dan mengurus sumber secara cekap bagi mencapai matlamat institusi.

**DIGITALISASI
MAKLUMAT**
Membangun dan mengemaskini maklumat operasi bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan.

**KERJASAMA PINTAR
HIBRID**
Memperkasa kerjasama pintar hibrid dalam tadbir urus bagi mencapai matlamat institusi secara cekap dan berkesan.

**TANGGUNGJAWAB
SOSIAL**
Memastikan kesejahteraan sosial warga kerja serta masyarakat secara keseluruhannya.

**PENGIKTIRAFAN
INSTITUSI**
Membangunkan struktur pengurusan komprehensif dalam menyelaras penyertaan dan pencalonan institusi dalam pelbagai anugerah dan pengiktirafan.

DIMENSI WARGA KERJA TERAS 3

**KETERAMPILAN
BAKAT**
Membangun warga kerja yang berbakat dalam pelbagai bidang dan kemahiran selain dari bidang pengkhususan dalam pengembangan kerjaya.

**PEMENTORAN DAN
KOLABORASI**
Mewujudkan suasana dan persekitaran kerja yang menyokong, selesa dan memotivasi warga kerja.

**PAKAR RUJUK
BIDANG**
Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam sesuatu bidang pengkhususan untuk kekal relevan dan berdaya saing.

**KEHARMONIAN DAN
KESEJAHTERAAN**
Menyediakan persekitaran kerja dan hubungan sosial yang saling menghargai, memahami dan bekerjasama.

**PENGIKTIRAFAN
WARGA KERJA**
Membangunkan struktur pengurusan komprehensif dalam menyelaras penyertaan serta pencalonan warga kerja dalam pelbagai anugerah dan pengiktirafan.

DIMENSI PROGRAM PENGAJIAN TERAS 4

**KERELEVANAN
KURIKULUM**
Menambahbaik struktur dan kandungan kurikulum melalui maklum balas pemegang taruh.

KEBOLEHSUAIAN PdP
Meningkatkan kemahiran pedagogi sesuai dengan perubahan teknologi, transformasi pendidikan dan kehendak pasaran.

**REFORMASI
PENYAMPAIAN**
Meningkatkan kemahiran penyampaian inovatif bagi meningkatkan keberhasilan pembelajaran.

**DIGITALISASI BAHAN
PEMBELAJARAN**
Meningkatkan penghasilan bahan pembelajaran digital bagi menyokong pembelajaran sendiri.

**PENGIKTIRAFAN
PROGRAM PENGAJIAN**
Membangunkan struktur pengurusan komprehensif dalam menyelaras persediaan dan keperluan akreditasi program pengajian.

DIMENSI INDUSTRI, KOMUNITI & ALUMNI TERAS 5, 6 & 7

**KOLABORASI
BERIMPAK TINGGI**
Melaksana aktiviti perkongsian pintar bersama industri bagi tujuan pemindahan teknologi dan kepakaran serta penajaan keperluan pembelajaran.

**MEMASYARAKATKAN
PENYELIDIKAN
DAN INOVASI**
Meningkatkan penghasilan penyelidikan dan inovasi berorientasikan penyelesaian masalah yang boleh dimanfaatkan.

**KETERLIHATAN
INSTITUSI**
Meningkatkan keterlihatan institusi merentas media bagi membuka ruang kolaborasi yang lebih meluas bersama pihak berkepentingan.

**KEMAMPAKAN
KEWANGAN**
Menawarkan program pembelajaran sepanjang hayat yang memenuhi keperluan pihak berkepentingan.

**PENGIKTIRAFAN
INDUSTRI**
Membangunkan struktur pengurusan komprehensif dalam mengenalpasti dan menyelaras pengiktirafan dua hala antara institusi dan pihak berkepentingan.